

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional Kementerian memperkenalkan 'Kelas Bercantum' bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang pernah dihentikan pada tahun 1972. Kenapakah dasar yang sama tidak dilaksanakan untuk sekolah-sekolah Orang Asli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kelas bercantum merupakan satu daripada strategi jangka pendek dalam Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan kelas bercantum berupaya meningkatkan persaingan antara murid dan banyak aktiviti menarik boleh dilakukan kerana bilangan murid yang lebih ramai setelah dicantumkan. Pelaksanaan kelas bercantum selaras dengan amalan sekolah kecil seperti di New Zealand, Australia dan Canada. Nisbah murid kepada guru akan meningkat dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dapat dilakukan di samping mengembangkan kreativiti guru serta murid.

Sepertimana yang telah dijelaskan dalam SPI KPM Bil. 9/2017 - Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Bercantum Dengan Pengajaran dan Pembelajaran Pelbagai Gred, pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred tidak terpakai kepada sekolah SK Orang Asli, SK Pendidikan Khas dan Kelas Pendidikan Khas Integrasi. Pengecualian ini dibuat dengan mengambil kira kepelbagaian dan keperluan khusus bagi sekolah-sekolah tersebut.

RJM57